

# PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU

**K**UALA LUMPUR  
6 Mei — Kerajaan telah mengambil keputusan membatalkan terus cadangan pembangunan semula Kampung Baru kerana kos pengambilan tanah telah meningkat sebanyak \$348.18 juta.

Mengumumkan keputusan yang mengejutkan ini di Dewan Rakyat petang ini, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad bagaimanapun berkata, pemilik-pemilik tanah di Kampung Baru boleh membangunkan sendiri tanah mereka dengan syarat ia dibuat mengikut pe-Inn tempatan yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. (Komen penduduk Kampung Baru di Muka 9).

Pengumuman ini juga meletakkan impian para pemilik tanah Kampung Baru yang dianggarkan akan menerima

lebih \$1.6 juta seorang daripada pampasan tanah mereka.

Menurut Perdana Menteri, rancangan pembangunan semula itu terpaksa dibatalkan kerana kerajaan tidak mampu membayar pampasan pengambilan tanah di kawasan tersebut.

Mengikuti rancangan asal, projek pembangunan semula Kampung Baru yang diumumkan dua tahun lalu sepatutnya bermula pertengahan tahun ini.

"Semasa kerajaan memutuskan untuk membangunkan semula Kampung Baru, kerajaan menganggarkan kos pengambilan balik tanah bagi kawasan yang terlibat seluas 40.94 ekar adalah sebanyak \$66 juta.

"Bagaimanapun setelah pengambilan tanah diwartakan dan penilaian yang terperinci dibuat, didapati kos pengambilan balik tanah adalah dianggarkan sebanyak \$414.18 juta," katanya.

Beliau berkata demikian

**LIHAT MUKA 2**

**SEMULA  
DIBATA**

# PEMBANGUNAN SEMULA KAMPUNG BARU DIBATAL

semasa menjawab soalan Shaidat Kassim (BN - Arau) dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Katanya, kadar kos pengambilan tanah itu mungkin menjadi lebih tinggi jika pemilik menuntut pampasan yang tinggi di mahkamah selaras dengan nilai pasaran semasa hartanah di sekitar Kampung Baru.

Menurutnya, keputusan membatalkan cadangan itu dibuat pada 5 Disember tahun lalu di samping beberapa keputusan lain yang berbeza dari keputusan asal kerajaan.

Katanya, keputusan lain yang dibuat itu ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan "mengambil tindakan menyediakan Pelan Susunatur Kampung Baru sebagai sebahagian daripada local plan (pelan tempatan) Bandaraya Kuala Lumpur.

Beliau berkata, local plan itu akan dihebahkan kepada orang ramai khususnya pemilik tanah Kampung Baru.

Dr. Mahathir berkata, DBKL juga akan memastikan pemilik tanah di Kampung Baru mematuhi Pelan Susunatur apabila mereka ingin membangunkan tanah mereka mulai sekarang dan di masa hadapan.

Katanya, kerajaan juga membuat keputusan supaya pemilik tanah yang tidak berupaya atau enggan membangunkan tanah mereka selaras dengan pelan tersebut boleh memindah milik tanah mereka.

"Mereka boleh memindah milik tanah kepada agensi-agensi kerajaan atau pihak swasta dengan harga yang dipersetujui kedua-dua pihak," ujar beliau.

Perdana Menteri juga menyatakan, memang pada asalnya kerajaan bercadang membangunkan semula Kampung Baru kerana kawasan itu jauh ketinggalan berbanding kawasan lain di bandar raya.

Sesuai dengan hasrat kerajaan itu, katanya, tiga jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Kampung Baru, Jawatankuasa Kemajuan Penduduk Mengenai Pembangunan Kampung Baru dan Jawatankuasa Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan Kampung Baru.

Di samping itu katanya, kerajaan juga telah mewartakan perisytiharan pengambilan tanah yang dicadangkan bagi tujuan pembangunan Kampung Baru.

Bagaimanapun katanya, dengan keadaan harga tanah itu, kerajaan berpendapat sekiranya kerajaan membayar kos pampasan yang tinggi, projek-projek pembangunan Kampung Baru akan terjejas.

"Tidak ramai orang Melayu akan mampu membeli atau menyewa kedai dan bangunan dengan harga atau sewaan yang amat tinggi kerana kos tanah terlalu tinggi," kata beliau.

Kepada soalan Ibrahim Ali (BN - Pasir Mas), Dr. Mahathir berkata, mengikut undang-undang, tanah rezab Melayu yang hendak diambil alih mestilah dinilai mengikut harga tanah yang berdekatan.

"Sehubungan itu, nilai tanah Kampung Baru mestilah dinilai dengan kawasan prime land atau commercial area yang berdekatan iaitu pada kadar \$1,000 satu kaki persegi," tambahnya.

Kata beliau, disebabkan peruntukan undang-undang itu mewajibkan pembayaran pada kadar harga perbandingan, maka kerajaan tidak berupaya untuk membayar nilai tanah Kampung Baru itu.

"Disebabkan nilai tanah yang begitu tinggi kita tidak berupaya untuk membuat pembayaran sehingga menjejaskan rancangan pembangunan kita," kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir juga berkata, jika para pemilik tanah hendak menjual tanah mereka dengan harga yang dipersetujui bukannya mengikut harga perbandingan tanah berdekatan, mereka boleh berbuat demikian.

Menjawab soalan tambahan Tan Seng Giaw (DAP - Kepong), beliau berkata, sekiranya para pemilik tanah Kampung Baru ingin membangunkan tanah mereka, mereka mestilah mengikut Pelan Susunatur Kampung Baru yang disediakan oleh DBKL.

Katanya, mereka boleh membangunkan tanah mereka berdasarkan kepada beberapa sekatan yang dikenakan kepada para pemilik tanah di bandar raya.

"Ada tempat-tempat kita benarkan bangunan sehingga 100 tingkat dibina dan ada juga kawasan hanya bangunan satu atau dua tingkat sahaja dibenarkan," ujar beliau.

Katanya, syarat yang memerlukan para pemilik tanah Kampung Baru mengikut local plan bertujuan untuk mematuhi had pembangunan yang dibenarkan.

"Sekiranya mereka membangunkan tanah mereka mengikut local plan, kita tidak mempunyai apa-apa halangan," kata beliau.